



13 Mei 2020
13 May 2020
P.U. (A) 150

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PERKHIDMATAN DIGITAL) (PINDAAN) 2020

SERVICE TAX (DIGITAL SERVICE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN
(PERKHIDMATAN DIGITAL) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 91(2)(m) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Perkhidmatan Digital) (Pindaan) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 14 Mei 2020.

Bahagian baharu IIA

2. Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Perkhidmatan Digital) 2019 [*P.U. (A) 269/2019*] dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian II bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IIA

PERKHIDMATAN DIGITAL YANG DISEDIAKAN OLEH ORANG BERDAFTAR ASING

Perkhidmatan digital yang disediakan kepada kumpulan syarikat

5A. (1) Jika suatu syarikat yang merupakan orang berdaftar asing memberikan apa-apa perkhidmatan digital kepada mana-mana syarikat di Malaysia dalam kumpulan syarikat yang sama dengan orang berdaftar asing itu, perkhidmatan digital itu tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika orang berdaftar asing memberikan apa-apa perkhidmatan digital kepada mana-mana orang di Malaysia di luar kumpulan syarikat orang berdaftar asing itu, perkhidmatan digital yang sama yang diberikan kepada mana-mana orang atau syarikat di Malaysia di luar

atau di dalam kumpulan syarikat orang berdaftar asing itu hendaklah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

(3) Dalam Peraturan-Peraturan ini, bagi maksud menentukan bahawa syarikat penerima perkhidmatan digital itu berada dalam kumpulan syarikat yang sama dengan orang berdaftar asing itu, prinsip-prinsip yang relevan yang disebut dalam perenggan 4, 5, 6 dan 7 Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 [*P.U. (A) 214/2018*] hendaklah terpakai.”.

Dibuat 13 Mei 2020

[MOF.TAX(S)700-1/2/27; PN(PU2)752/IV]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

SERVICE TAX ACT 2018

SERVICE TAX (DIGITAL SERVICE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by paragraph 91(2)(m) of the Service Tax Act 2018 [*Act 807*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Service Tax (Digital Service) (Amendment) Regulations 2020**.

(2) These Regulations come into operation on 14 May 2020.

New Part IIA

2. The Service Tax (Digital Service) Regulations 2019 [*P.U. (A) 269/2019*] is amended by inserting after Part II the following part:

“PART IIA

DIGITAL SERVICE PROVIDED BY A FOREIGN REGISTERED PERSON

Digital service provided to group of companies

5A. (1) Where a company who is a foreign registered person provides any digital service to any company in Malaysia within the same group of companies with the foreign registered person, such digital service shall not be subject to service tax.

(2) Notwithstanding subregulation (1), where a foreign registered person provides any digital service to another person in Malaysia outside the group of companies of the foreign registered person, the same digital service provided to any person or company in Malaysia outside or within the group of companies of foreign registered person shall be subject to service tax.

(3) In these Regulations, for the purpose of determining that the company who received digital services is within the same group of companies with the foreign registered person, the relevant principles referred to in paragraphs 4, 5, 6 and 7 of the First Schedule Service Tax Regulations 2018 [*P.U. (A) 214/2018*] shall apply.”.

Made 13 May 2020
[MOF.TAX(S)700-1/2/27; PN(PU2)752/IV]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance